

25/05/2003

Pemuda sokong pakej pinjaman mikro RM1b

KUALA LUMPUR: Pergerakan Pemuda Umno menyambut baik pakej rangsangan ekonomi yang memperuntukkan dana berjumlah RM1 bilion bagi pinjaman mikro

kepada peniaga kecil seperti mana yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed Rabu lalu.

Pengerusi Biro Ekonomi pergerakan itu, Said Anuar Said Ahmad, berkata dana yang diperuntukkan bagi mengeluarkan pinjaman mikro dengan kadar faedah rendah, tanpa cagaran dan skim bayaran balik berasaskan aliran tunai membuktikan keprihatinan kerajaan terhadap rintihan peniaga kecil ini khususnya peniaga Melayu.

"Biro Ekonomi Pemuda memang sudah lama memantau masalah ini terutama dalam mendapatkan pinjaman kewangan daripada institusi kewangan yang sah,"

katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Kesukaran itu ditambah dengan prosedur yang sukar menyebabkan kebanyakan

peminjam beralih kepada ceti haram atau along yang akhirnya membawa padah

termasuk dibunuh kerana gagal membayar balik pinjaman.

Said berkata, skim pinjaman mikro yang ditaja kerajaan selain syarat pinjaman yang longgar akan serta-merta mengurangkan kebergantungan peniaga

kecil kepada ceti haram.